

Penguatkuasaan Penghakiman Sita dan Jual: Pelaksanaan dan Kekangan di Mahkamah Syariah

Foreclosure and Sale Judgments Enforcement: Implementation and Constraints in Syariah Courts

MOHD. HAZWAN BIN ISMAIL, Universiti Sains Malaysia
JASNI BIN SULONG, Universiti Sains Malaysia

Received: March 28, 2021 Accepted: May 24, 2022 Online Published: June 15, 2022

URL: <http://www.ukm.my/jcil>

ABSTRAK

Pelaksanaan sitaan sangat jarang berlaku di Mahkamah Syariah kerana tidak banyak kes-kes berkaitan kewangan yang terlibat, melainkan kes tunggakan hutang nafkah isteri dan anak. Kegagalan seorang bekas suami atau bapa dalam membayar nafkah boleh menjejaskan kehidupan harian seorang isteri atau anak. Dalam Islam, kegagalan membayar nafkah ini boleh menyebabkan terjadinya hutang dan hukumnya adalah wajib dibayar. Banyak berlaku kes kegagalan bekas suami atau bapa dalam membayar nafkah sekalipun telah diperintahkan oleh mahkamah syariah. Justeru, objektif dalam makalah ini adalah bertujuan membincangkan pelaksanaan dan kekangan yang terdapat dalam mengeluarkan penghakiman sitaan dari mahkamah untuk menuntut tunggakan nafkah. Metod yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kajian kepustakaan dan juga melalui temubual. Selain itu, metod pemerhatian juga digunakan untuk melihat sendiri secara praktikalnya penyitaan dibuat dan dihuraikan kes-kes berdasarkan kajian kes. Dapatan kajian mendapati, bermula dari tahun 2017 sehingga 2021 adalah sebanyak 16 kes sitaan yang berjaya didaftarkan. Daripada 16 tersebut, 8 kes berjaya dilaksanakan apabila kes sitaan tersebut diterima oleh mahkamah. Namun, terdapat kekangan untuk melaksanakannya apabila sebanyak 4 kes ditolak oleh mahkamah kerana hakim beralasan bahawa kes yang telah diperintahkan dari Saman Penghutang Penghakiman perlu kepada Notis Penghakiman. Daripada 16 kes itu juga, secara majoritinya tuntutan jenis hutang yang dibuat adalah tunggakan nafkah anak. Dan terakhir adalah, agensi yang terlibat dalam mengendalikan kes penyitaan adalah peguam swasta sebanyak 4 kes manakala agensi kerajaan dari Bahagian Sokongan Keluarga adalah sebanyak 12 kes.

Kata Kunci: Sitaan, tunggakan nafkah, perundangan, Mahkamah Syariah.

ABSTRACT

Execution of confiscation is very rare in the Syariah Court because there are not many financial-related cases involved, except for cases of arrears of alimony debts of wives and children. The failure of an ex-husband or father to pay alimony can have a significant impact on a wife's or child's everyday life. Failure to pay alimony can result in debt in Islam, and the legislation is mandatory. Many situations exist where an ex-husband or father refuses to pay alimony despite the fact that it has been decreed by a syariah court. As a result, the purpose of this article is to analyse the implementation and limits that occur when a court issues a foreclosure judgement to seek maintenance arrears. The research approach used in this study included a literature review as well as interviews. Furthermore, observational methods were employed to understand for themselves how seizures were made and cases were developed through case studies. According to the study's findings, a total of 16 confiscation cases were successfully documented between 2017 until 2021. When the seizure case was accepted by the court, 8 of the 16 cases were effectively executed. However, when a total of four cases were dismissed by the court because the judge reasoned that the case that had been ordered from the Judgment Debtor's Summons required to be a Judgment Notice, it became difficult to implement it. The majority of the debt claims filed in the 16 cases were for child maintenance arrears. Finally, private lawyers are involved in four seizure cases, while government agencies from the Family Support Division are involved in twelve.

Keywords: Foreclosure, arrears of maintenance, legislation, Syariah Court.

PENDAHULUAN

Pelaksanaan sita adalah sangat jarang didengar di Mahkamah Syariah. Secara kebiasaan, kes-kes di

mahkamah syariah hanyalah melibatkan kes perceraian, faraid, tuntutan nafkah anak, khalwat dan lain-lain lagi. Namun begitu, di mahkamah syariah juga terdapat penguatkuasaan bagi kes yang

melanggar perintah mengenai pembayaran wang setelah diadu oleh pemiutang (isteri, bekas isteri atau ibu) terhadap penghutang (suami, bekas suami atau bapa). Antara penguatkuasaan yang terdapat dalam peruntukan undang-undang adalah sitaan, hiwalah dan pemenjaraan. Dalam penguatkuasaan sitaan, permohonan kebenaran perlu dilakukan terlebih dahulu di mahkamah agar mahkamah dapat menilai dan menyiasat bagi sesuatu kes tersebut. Sekiranya mahkamah membenarkan, barulah perintah atau penghakiman kebenaran dikeluarkan untuk pelaksanaan. Dengan adanya penghakiman tersebut, pihak penghutang tidak boleh membantah secara sendirinya sehinggalah pelaksanaan tersebut selesai dengan keputusan mahkamah. Perbincangan pada kajian ini adalah melihat kepada permohonan sitaan tersebut kepada mahkamah sama ada diterima untuk pelaksanaan atau ditolak kerana adanya kekangan, melihat jenis hutang yang paling banyak dituntut setelah diluluskan oleh mahkamah untuk penguatkuasaan sitaan dan pihak yang terlibat secara kekerapan dalam mengendalikan kes sitaan.

PELAKSANAAN SITAAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Sita dalam Bahasa Arab adalah *al-hajru* yang bermaksud menahan. Definisi *al-hajru* menurut Ibn Rajab yang bermazhab Syafie adalah "larangan terhadap seseorang melakukan tindakan hukum, baik larangan dari syarak mahupun muncul dari kadi" (Abd Al-Rahman ibn Ahmad ibn Rajab, 1988). Ia bermaksud, penahanan harta dilakukan apabila dibolehkan syarak melalui arahan daripada kadi. Dari segi istilah pula, harta milik penghutang ditahan daripada berurusan jual beli dan perlu diselesaikan dengan cara membayar hutang (Muhammad al Husaini al Dimasyqiy, 1994).

Terdapat satu peristiwa di mana harta kepunyaan Sahabat ditahan lalu dijual bagi melunaskan hutangnya (Hassan Ibrahim & Ali Ibrahim, 1970). Hadis diriwayatkan oleh Dar al-Qutni ada menceritakan sebagaimana berikut:

عَنْ كَعْبِ بْنِ مَالِكٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَجَرَ
عَلَى مَعَاذٍ مَالَهُ وَبَاعَهُ فِي دِينٍ كَانَ عَلَيْهِ

Maksudnya: "Daripada Ka'ab bin Malik, sesungguhnya Nabi S.A.W pernah menyita harta Muadz bin Jabal dan menjualnya bagi membayar hutang yang ditanggung olehnya" (Muhammad bin Ali bin Muhammad Asy-Syaukani, t.t).

Penjualan harta ini adalah bertujuan untuk mendapatkan tunai bagi tujuan melangsaikan hutang yang tertanggung oleh seseorang. Maka dengan matlamat ini, hukum bagi menahan harta yang dimiliki oleh seseorang yang berhutang adalah dibenarkan (Imam Muslim, t.t). Rasulullah bersabda lagi berkenaan hal ini sebagaimana berikut:

لِيُؤَادَى لِحَقِّهِ وَعَقُوبَتُهُ

Maksudnya: "Penundaan hutang oleh seorang yang mampu membayar hutang (maka) dihalalkan kehormatan (bertindak ketegasan) dan (dihalalkan) menghukumnya" (Sunan Abi Daud, 2008).

Hadis di atas menunjukkan ketegasan Islam dalam menyelesaikan hutang. Apabila seseorang si penghutang adalah orang yang berkemampuan untuk membayar hutang, tetapi tidak mahu untuk menyelesaikannya, maka dibolehkan untuk menahan harta (Adiwarman A. Karim, 2001) tersebut dan menjual untuk mendapat hasil jualan dan diserahkan kepada si pemiutang.

Dalam hal ini, si pemiutang mempunyai hak untuk menuntut hutangnya sebagaimana yang dijanjikan. Sekiranya si penghutang enggan, melambat-lambat atau melengahkannya, maka pemiutang boleh menuntut hutangnya melalui mahkamah. Mahkamah boleh mengarahkan untuk penguatkuasaan dan menahan harta milik penghutang walaupun penghutang diisytiharkan mufliis. Dalam kitab Minhaj At-Talibin yang dijelaskan oleh al-Nawawi bahawa:

حَجَرَ الْمُفْلِسَ لِحَقِّ الْغَرْمَاءِ...

Maksudnya: "menahan harta orang mufliis adalah hak bagi orang-orang yang memberi hutang" (Abi Zakaria Yahya bin Syarif An-Nawawi Asy-Syafi'i, t.t).

Imam al-Nawawi menjelaskan, walaupun penghutang tidak mempunyai wang untuk membayar hutang tersebut, namun kuasa daripada pemiutang boleh melakukan untuk mengutip segala harta yang ada pada si penghutang. Kutipan yang dimaksudkan adalah apa-apa harta yang masih dimiliki oleh penghutang, lalu ditahan atau disita, kemudian dijual sehinggalah dapat melunaskan hutang tersebut. Ini kerana, hutang hanya boleh diselesaikan dengan cara pembayaran sehingga selesai.

PELAKSANAAN SITAAN MENURUT PERSPEKTIF UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA

Undang-undang mengenai sitaan telah diperuntukkan dalam perundangan sama ada dalam tatacara sivil atau Syariah. Ia adalah satu mekanisme dalam mendapatkan semula hutang daripada seseorang yang ingkar dengan perintah diberikan. Menurut Mohd Khairul Azam Abdul Aziz, daripada Tetuan Azam Aziz Shaharudin Ali & Co., pihak penuntut seperti bank atau institusi kewangan ada masa enam tahun sahaja untuk buat apa-apa tuntutan sivil melalui proses mahkamah ke atas seseorang yang berhutang iaitu bermula daripada tarikh hutang tidak dibayar. Selepas tempoh enam tahun itu, mereka tidak boleh lagi menuntut melalui mahkamah dan dikira sebagai hutang lapuk yang dikawal bawah Akta Had Masa 1953 (Akta 254). Justeru, satu tindakan perlu dilakukan bagi mendapatkan hutang yang tertunggak ini.

Seksyen 148 (Akta 585) ada memperuntukkan bahawa mahkamah Syariah boleh

mengeluarkan suatu penghakiman atau perintah bagi pembayaran wang.

(a) perintah penyitaan dan penjualan;

Merujuk kepada perkara (a) di atas, "sita" bermaksud suatu perihal mengambil atau merampas harta daripada seseorang dengan perintah mahkamah atau polis. Ia adalah merampas harta sebagai ganti kepada hutang yang gagal dibayar untuk kemaslahatan pihak pemiutang.

Penguatkuasaan sitaan berlaku disebabkan hutang yang tidak dibayar oleh orang yang bertanggungjawab. Pada asalnya penghutang perlu membayar hak yang berupa wang sebagaimana perintah mahkamah sama ada melalui pindahan wang dalam bank ataupun secara tunai kepada yang berhak. Walaupun mahkamah telah mengeluarkan perintah supaya pihak yang bertanggungjawab melunaskan hutangnya, namun masih terdapat segelintir penghutang yang ingkar dan gagal melaksanakan perintah tersebut. Maka dengan itu, tindakan undang-undang yang lebih tegas perlu dilakukan melalui pelaksanaan sitaan dengan kebenaran mahkamah secara merampas harta atau barang milik penghutang untuk dilelong dan hasil jualannya akan diserahkan kepada pemiutang. Sekiranya hasil jualan melebihi dari hutang, maka baki wang tersebut akan diserahkan kembali kepada penghutang.

Dalam Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998, sekiranya si penghutang gagal membayar hutangnya selepas disahkan taksiran di hadapan Pendaftar Mahkamah ataupun perintah tunggakan dari Saman Penghutang Penghakiman (SPP), maka tindakan boleh dilakukan untuk proses penyitaan dan penjualan sebagaimana diperuntukkan melalui Seksyen 160, (Akta 585) iaitu:

"Peruntukan-peruntukan yang berikut hendaklah terpakai apabila pelaksanaan dengan cara penyitaan dan penjualan diperintahkan bagi apa-apa harta:

(a) bailif hendaklah—

- (i) tertakluk kepada peruntukan kemudian daripada ini, mengambil harta itu dan meletakkannya dalam jagaannya;
- (ii) jika harta itu terdiri daripada syer, saham, debentur atau bon yang tidak boleh dipindahkan melalui penghantarserahan, dalam apa-apa pinjaman atau kumpulan wang, menyampaikan kepada pihak berkuasa yang berkenaan suatu salinan perintah bagi pelaksanaan dalam Borang MS 36 bersama-sama dengan perihalan yang mencukupi mengenai syer, saham, debentur atau bon yang disita itu, dan sesudah itu tiada pemindahan syer, saham, debentur atau bon itu boleh didaftarkan kecuali dengan kebenaran Mahkamah, dan apa-apa faedah atau dividen berkenaan dengan syer, saham, debentur atau bon itu hendaklah dibayar ke dalam Mahkamah sehingga Mahkamah memerintahkan selainnya atau membenarkan pemindahannya;

(b) selepas harta itu disita, apa-apa pemberimilikan atau pelupusan harta yang disita itu, selain dengan kebenaran Mahkamah, adalah tak sah terhadap bailif, dan perbuatan itu adalah juga suatu penghinaan Mahkamah;

(c) pada bila-bila masa sebelum penjualan, pemiutang penghakiman boleh meminta bailif melepaskan apa-apa harta tertentu, dan pelepasan itu tidak boleh disifatkan sebagai suatu penghentian pada keseluruhan pelaksanaan.

(d) pada bila-bila masa sebelum penjualan, pemiutang penghakiman boleh menghentikan pelaksanaan itu, dan bailif hendaklah sesudah itu memulangkan perintah bagi pelaksanaan itu kepada Mahkamah;

(e) bailif hendaklah, melainkan jika harta yang disita itu merupakan wang, meneruskan penjualan harta itu mengikut Bahagian ini;

(f) bailif hendaklah, selepas pelaksanaan selesai, membuat suatu penyata berhubung dengan pelaksanaan itu dan mengemukakannya kepada Pendaftar."

Dalam mahkamah syariah, penguatkuasaan penyitaan dan penjualan boleh dilakukan dengan mematuhi tatacara peruntukan di atas. Harta-harta yang boleh disita adalah dalam bentuk harta alih dan juga harta tidak alih yang mempunyai hak milik penuh penghutang (Mohd Nadzri bin Haji Abdul Rahman Ibrahim, 2010). Tindakan penyitaan dilakukan oleh bailif yang diberi kuasa oleh mahkamah. Setelah penyitaan selesai, borang-borang yang telah dicatat oleh bailif perlu dikemukakan kepada Pendaftar mahkamah. Borang-borang tersebut adalah merujuk daripada Manual Kerja Bailif Jabatan Kehakiman Syariah Negeri-Negeri Seluruh Malaysia (Arahan Amalan No. 10 Tahun 2020).

PERMASALAHAN KAJIAN

Pendaftaran dan pelaksanaan sita di mahkamah syariah adalah tidak selalu didengar oleh media dan juga mana-mana artikel seperti yang sering didengar di mahkamah sivil dalam akhbar melalui penyitaan rumah yang dilakukan oleh bank (Mohd Sofian bin Abdul Halim, 2022), penyitaan institusi oleh Jabatan Kerajaan yang tidak berdaftar dan mengakibatkan penderaan moral dan fizikal secara tidak langsung (Sinar Harian, 2021) dan penyitaan harta yang telah terhutang dalam perniagaan (Berita Harian, 2021).

Walaupun skop mahkamah syariah yang tidak meluas seperti di mahkamah sivil, namun terdapat dalam Akta atau Enakmen yang diperuntukkan untuk kes penyitaan (kecuali bagi negeri Perlis, Melaka, Pahang dan Sabah kerana tiada pendaftaran kod kes penyitaan). Kes-kes yang dibolehkan dalam penyitaan adalah melibatkan hutang yang tertunggak. Dalam proses pelaksanaan sitaan, ia perlu mendapatkan perintah kebenaran atau kelulusan dari mahkamah terlebih dahulu sama ada diterima atau tidak (Seksyen 154 Akta 505). Selain masalah mengenai kebenaran, kajian ini juga ingin melihat jenis hutang yang dimohon pemiutang kepada mahkamah. Ini kerana, hutang yang dituntut di mahkamah syariah hanyalah

melibatkan keluarga dan bukan melibatkan dengan pihak bank, perniagaan dan sebagainya. Oleh itu, kekerapan hutang jenis apakah yang dituntut oleh pemiutang yang menyebabkan pemiutang memfailkan untuk pelaksanaan penyitaan (Mohd Sofian bin Abdul Halim, 2022).

Akibat jarang atau tidak didengar kes sitaan yang dilakukan oleh mahkamah syariah, maka kajian ini melihat apakah mahkamah syariah mempunyai bidangkuasa bailif atau penguatkuasa mahkamah dalam melakukan aktiviti penyitaan. Bailif atau pendaftar atau mana-mana kakitangan mahkamah syariah adalah dilantik oleh Ketua Agama Islam Negeri sama ada Yang di-Pertuan Agong bagi negeri yang tiada Raja, dan DYMM Sultan bagi negeri yang mempunyai Raja, atas nasihat Ketua Hakim Syarie untuk menjalankan apa-apa tindakan pelaksanaan yang telah diputuskan oleh hakim Syarie (Seksyen 45, Akta 505), termasuklah dalam pelaksanaan sitaan. Namun begitu, tidak semua Pendaftar atau kerani diberi kuasa bailif kerana kebiasaan Pendaftar atau kerani Mahkamah melakukan tugas di dalam pejabat sahaja. Dan yang terakhir dalam masalah kajian ini adalah agensi yang terlibat dalam pendaftaran penyitaan di mahkamah syariah. Ia merangkumi tiga pihak sama ada dari peguam swasta, peguam kerajaan atau pihak pelanggan sendiri. Ini kerana, proses penyitaan memerlukan kepada prosedur pendaftaran yang memerlukan borang-borang yang terdapat dalam Manual Kerja Bailif.

SOROTAN KAJIAN

Sorotan kajian adalah kajian-kajian terdahulu yang telah dikaji oleh pengkaji. Kajian pertama adalah dari Luthvi Febryka Nola yang bertajuk "*Kedudukan Sita Umum Terhadap Sita Lainnya Dalam Proses Kepailitan*" (Luthvi Febryka Nola, 2018) yang telah diterbitkan dalam jurnal Negara Hukum. Terdapat beberapa jenis penyitaan antaranya adalah sita berbentuk awam, sita pada penjenayah dan sita pajak. Dalam artikel tersebut hanya difokuskan mengenai seorang penghutang telah berhutang dengan pihak kreditor. Namun begitu, terdapat undang-undang yang berlawanan dengan keputusan hakim dalam menentukan penyitaan terhadap seorang yang muflis. Artikel ini hanya menjelaskan mengenai peruntukan undang-undang yang terdapat di Indonesia sahaja dan tidak membincangkan mengenai cara pelaksanaan sita yang bermula dari mahkamah.

Dan kajian yang kedua juga dari Indonesia yang ditulis oleh Almavico Putra Perdana yang bertajuk "*Pelaksanaan Pengelolaan Benda Sitaan Dan Barang Rampasan Negara di Rumah Penyimpanan Benda Sitaan Negara (Rupbasan) Kelas 1 Jakarta Selatan*" (Almavico Putra Perdana, 2020). Dalam artikel ini menjelaskan mengenai seorang penjenayah yang ditahan hartanya untuk dijadikan bahan bukti di mahkamah. Barang-barang tersebut ditahan atau disita lalu dibawa tempat penyimpanan barang sementara kes masih lagi dalam prosiding. Terdapat pekerja yang

diwajibkan untuk menjaga barang-barang tersebut kerana barang-barang yang disita adalah milik sementara kerajaan sebelum barang-barang tersebut dilepaskan kepada pemiliknya setelah keputusan mahkamah dibuat.

Daripada dua artikel di atas, masih tiada kajian yang dibuat di Malaysia. Dan kajian-kajian yang dilakukan bukanlah mengenai pelaksanaan sita yang dilakukan oleh pihak mahkamah ataupun dari peguam. Maka dengan itu, kajian ini bersesuaian dalam menyelidik sitaan di Malaysia dan seterusnya dijadikan rujukan oleh mana-mana pengkaji selepas ini terutamanya di mahkamah syariah.

METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini, metod yang digunakan dengan cara pengumpulan data adalah berbentuk kajian kepustakaan dan kajian melalui temubual. Kajian yang berbentuk kepustakaan adalah kajian yang memerlukan kepada maklumat yang diperoleh daripada dokumen seperti kitab fiqh, statut undang-undang, artikel, akhbar dan juga laman-laman web mengenai sitaan. Data statistik juga diperoleh dari sistem E-Syariah melalui Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) bermula dari tahun 2017 sehingga 2021 sebagai bukti pendaftaran sitaan di Mahkamah Syariah (Abdul Rashid Moten, 1998). Seterusnya adalah kajian berbentuk temubual (Ahmad Sunawari Long, 2009) yang menemubual bersama pihak yang melalui proses sitaan atau yang mengetahui cara prosiding sitaan di mahkamah. Antara pihak yang terlibat dalam temubual tersebut adalah Pegawai BSK dari negeri Selangor, Penolong Pegawai BSK merangkap bailif dari negeri Kelantan, Pulau Pinang serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Penolong Pegawai Syariah BSK di ibu pejabat Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia di Putrajaya, bailif mahkamah sivil dari Mahkamah Tinggi Pulau Pinang, pegawai-pegawai mahkamah terlibat secara tidak langsung mengenai pelaksanaan ini.

Selain daripada itu, metod pemerhatian juga digunakan dalam kajian ini. Pemerhatian mempunyai tiga bentuk dan bentuk yang bersesuaian dalam kajian ini adalah pemerhatian tanpa penyertaan dan tanpa kawalan. Ini kerana, proses melalui pemerhatian ini dilakukan dengan mengikut bailif mahkamah sivil untuk melihat sendiri ketika mana bailif Mahkamah Tinggi Pulau Pinang melaksanakan aktiviti penyitaan yang dilakukan di sebuah premis perniagaan di Seberang Jaya, Pulau Pinang. Oleh itu, pemerhatian yang dilihat oleh pengkaji dapat dilihat dengan lebih jelas dalam pelaksanaannya dan dapat meneroka dengan lebih mendalam prosedurnya. Dengan adanya pemerhatian, maka secara tidak langsung dapat dihuraikan melalui kajian kes (Therese L. Baker, 1999) yang boleh digunakan sebagai metod tambahan. Ini kerana, kajian-kajian kes yang dihurai dapat dikaitkan apabila maklumat tersebut diperoleh dari temubual-temubual peguam dan juga bailif BSK.

Huraian kes juga dapat mengukuh serta menyokong maklumat mengenai kajian sitaan di Mahkamah Syariah.

ANALISIS KES PENYITAAAN DAN PENJUALAN DI MAHKAMAH SYARIAH SELURUH NEGARA

Merujuk kepada statistik pendaftaran bagi kes-kes yang terlibat dengan penyitaan dan penjualan di portal E-Syariah JKSM, terdapat kes sitaan yang didaftarkan dalam tempoh lima tahun iaitu bermula dari tahun 2017 sehingga tahun 2021. Berikut adalah data statistik pendaftaran kes sita di negeri-negeri di Malaysia sebagaimana maklumat di bawah:

Jadual 1: Statistik Kes Sitaan di Mahkamah Syariah Seluruh Negara

Tahun	Pendaf-taran	Negeri
2017	6	Kelantan
2018	0	-
2019	8	Pulau Pinang (2) dan Selangor (6)
2020	1	Pulau Pinang
2021	1	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Jumlah		16

Sumber: E-Syariah, JKSM

Berdasarkan jadual di atas, bermula tahun 2017 sehingga tahun 2021 menunjukkan pendaftaran kes sita di mahkamah syariah adalah sebanyak 16 kes. Tahun 2017 menunjukkan sebanyak 6 kes sitaan didaftarkan di Negeri Kelantan (Mohd Hanif bin Ismail, 2022). Pada tahun 2019, menunjukkan sebanyak 8 kes didaftarkan di dua negeri iaitu negeri Pulau Pinang (Mohd. Mawardiey, 2021) sebanyak 2 kes dan negeri Selangor (Muhammad Amir Firdaus bin Sidin, 2022) sebanyak 6 kes. Kemudian diikuti tahun 2020 dan 2021 didaftarkan dengan masing-masing 1 kes iaitu di negeri Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Mohd Norman bin Abd Jalil, 2022). Pada tahun 2018, tiada pendaftaran kes sita di Mahkamah Syariah.

Daripada 6 kes yang didaftarkan pada tahun 2017, sebanyak 4 kes diberi kebenaran oleh mahkamah untuk pelaksanaan sita iaitu *Miza lwn Yusof*, (2017), *Roslina lwn Roslan*, (2017), *Wani lwn Fauzi*, (2017), *Maziah lwn Sudin*, (2017), 1 kes ditarik balik kerana penghutang berjaya menyelesaikan kes diluar mahkamah sebelum mahkamah mengeluarkan perintah kebenaran pelaksanaan iaitu kes *Jamilah lwn Saad*, (2017) dan 1 kes lagi permohonan ditolak kes *Sudin lwn Maziah*, (2017). Kebenaran pelaksanaan sebanyak 4 kes tersebut, hanya dua kes sahaja yang berjaya disita manakala dua kes lagi tidak dilaksana kerana penghutang tidak mempunyai harta untuk disita. Contoh dua kes yang berjaya disita adalah *Wani lwn Fauzi*, (2017) dan *Roslina lwn Roslan*, (2017).

Huraian bagi contoh kes *Wani lwn Fauzi*, (2017) adalah penghutang telah berhutang dengan pemiutang dalam kes tunggakan nafkah anak sebanyak RM8,500. Bertarikh pada 17/7/2017, pemiutang yang mewakilkan peguam dan bailif dari BSK telah melaksanakan sitaan di premis penghutang. Antara barang-barang yang disita adalah kabinet tv, ketuhar, perakam video, kipas angin dan television sebesar 29 inci dan dicatatkan didalam inventori. Jumlah keseluruhan barang yang disita adalah sebanyak RM500. Barang-barang yang disita tersebut dibawa ke stor mahkamah. Setelah disita, barang-barang tersebut akan dilelong pada 31/7/2017 iaitu selepas dua minggu disita. Walau bagaimanapun, sehari sebelum dilelong iaitu 30/7/2017, wakil dari penghutang telah hadir ke pejabat BSK dan menyelesaikan tunggakan tersebut. Dan wakil penghutang juga bersetuju bahawa baki tunggakan sebanyak RM8,000 lagi akan dibayar secara ansuran sehingga selesai dan kes ditutup. Manakala dalam kes *Roslina lwn Roslan*, (2017) pula, nafkah anak yang tertunggak adalah berjumlah RM10,783.60. Bailif berserta peguam BSK telah berjaya menyita barang kepunyaan penghutang di dalam premis iaitu hanya television sahaja yang bernilai RM350. Penyitaan tersebut tidak sempat untuk dilelong kerana penghutang telah hadir ke mahkamah dan menyelesaikan tunggakan nafkah tersebut.

Seterusnya pada tahun 2019 dimana terdapat 8 kes didaftarkan iaitu di negeri Pulau Pinang sebanyak 2 kes iaitu *Ayunie lwn Fazily*, (2019) serta *Syuhada lwn Arfan*, (2019) dan 6 kes di negeri Selangor iaitu *Diyana lwn Anuar*, (2019), *Haliza lwn Rodzan*, (2019), *Raudhah lwn Azlin*, (2019), *Hamsiah lwn Suddin*, (2019), *Zainal lwn Zuhana*, (2019) dan *Hanipah lwn Karim*, (2019). Huraian contoh kes yang berjaya disita di Pulau Pinang iaitu kes *Syuhada lwn Arfan*, (2019). Dalam kes tersebut, pemiutang telah melakukan permohonan di mahkamah dengan menyertakan affidavit bagi menyokong permohonannya. Sebelum permohonan sita ini dibuat, pemiutang telah memfailkan Saman Penghutang Penghakiman (SPP) yang tertunggak sebanyak RM4,900. Namun begitu, penghutang penghakiman masih ingkar dan gagal untuk membayar tunggakan hutang tersebut menyebabkan pemiutang telah mengadu sekali lagi kepada mahkamah. Pengaduan kali kedua tersebut di BSK menyebabkan pemiutang telah memohon untuk memfailkan penyitaan kepada mahkamah dan proses permohonan sitaan diluluskan oleh Pendaftar Mahkamah pada 24/7/2019.

Pada hari pelaksanaan, bailif telah menyita barang-barang kepunyaan penghutang di alamat Pantai Bersih, Butterworth, Pulau Pinang. Barang-barang yang disita, dilabel nombor dan dimasukkan dalam borang senarai inventori. Antara senarai inventori ialah television 14 inci, rak television, meja makan berserta 4 kerusi, peti ais, kipas angin, basikal fiksi dan rak buku. Kesemua barang-barang yang disita masing-masing adalah 1 unit. Jumlah keseluruhan adalah bernilai RM640 yang ditaksir

sendiri oleh bailif. Sebelum tarikh jualan lelong, wakil daripada penghutang telah hadir ke mahkamah. Kehadiran wakil tersebut adalah untuk menyelesaikan kes sitaan barang-barang yang terdapat di dalam premis penghutang. Wakil penghutang telah membeli barang-barang yang dilelong dengan menjadi pembida tertinggi dalam kes ini iaitu sebagaimana taksiran nilai sebanyak RM640. Kes permohonan penyitaan dan penjualan selesai dan ditutup.

Huraian contoh kes yang kedua yang didaftarkan di negeri Selangor adalah *Diyana lwn Anuar, (2019)* yang melibatkan kes hutang bekas isteri tertunggak. Pada mulanya kes ini dibenarkan untuk pelaksanaan, namun pada hari keputusan iaitu bertarikh 27/2/2020, mahkamah telah menolak tuntutan untuk penyitaan kerana penghutang telah berjaya menjelaskan hutang yang tertunggak. Daripada 8 kes yang didaftarkan, sebanyak 4 kes yang diterima oleh mahkamah untuk pelaksanaan sitaan iaitu masing-masing 2 kes di negeri Pulau Pinang dan negeri Selangor. Sebanyak 2 kes permohonan ditolak, 1 kes batal dan 1 lagi permohonan ditarik balik.

Pada tahun 2020, terdapat satu kes didaftarkan di negeri Pulau Pinang. Permohonan untuk mendapatkan kebenaran sitaan juga ditolak oleh Mahkamah Tinggi Syariah yang telah didaftarkan melalui peguam BSK. Kes tersebut adalah *Fatimah lwn Zuhaan, (2020)* di mana hutang yang tertunggak adalah nafkah anak yang berjumlah RM97,200. Jumlah ini adalah berdasarkan kes tunggakan SPP yang telah difailkan pada tahun 2015. Penghutang langsung tidak membayar tunggakan tersebut sejak daripada September 2008 sehingga Mei 2015. Pelaksanaan ini dilakukan apabila bailif telah menyiasat alamat premis penghutang berdasarkan maklumat yang dibekalkan


dan mendapati penghutang mempunyai rumah tumpangan yang disewakan kepada pelancong di sebuah lokasi di Batu Feringgi, Pulau Pinang. Namun, Mahkamah Tinggi Syariah tidak membenarkan pelaksanaan sitaan kerana mahkamah memberi alasan bahawa tuntutan tunggakan nafkah perlu kepada Notis Penghakiman terlebih dahulu kerana hutang yang tertunggak adalah berdasarkan dari perintah SPP.

Tahun 2021 pula menunjukkan satu kes yang didaftarkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes ini didaftarkan melalui peguam BSK dan hutang tertunggak adalah nafkah anak. Walau bagaimanapun, kes ini masih dalam prosiding dalam menentukan sama ada diluluskan untuk pelaksanaan dengan mengeluarkan perintah kebenaran sita atau ditolak iaitu kes *Ziah lwn Nadir, (2021)*.

DAPATAN KAJIAN

Keseluruhan permohonan sitaan dalam pendaftaran bagi tempoh 5 tahun bermula dari 2017 sehingga 2021 adalah sebanyak 16 kes. Walaupun begitu, tidak kesemua permohonan untuk mendapatkan kebenaran sitaan diluluskan oleh mahkamah. Ini kerana, permohonan untuk pelaksanaan sita yang diterima atau diluluskan untuk pelaksanaan sita adalah sebanyak 8 kes sahaja, diikuti permohonan ditolak sebanyak 4 kes, kes yang ditarik balik sebanyak 2 kes, dan yang terakhir dengan masing-masing satu kes ialah permohonan dibatalkan dan juga kes masih dalam prosiding. Berikut adalah peratusan bagi status permohonan untuk mendapatkan kebenaran pelaksanaan sitaan:

Carta Pai 6.1: Peratusan Status Permohonan di Mahkamah Syariah



Sumber: Mohd. Hazwan bin Ismail dalam dalam kajian pada Disember 2021

Carta pai di atas menunjukkan permohonan yang diluluskan adalah lebih mendominasi iaitu sebanyak 50%. Diikuti permohonan ditolak sebanyak 25%, tarik balik kes sebanyak 12.5% dan masing-masing dengan 6.25% iaitu permohonan dibatalkan dan kes masih dalam prosiding. Permohonan yang diterima oleh

mahkamah dalam meluluskan dengan mengeluarkan kebenaran penghakiman pelaksanaan sita telah selesai dan berjaya melakukannya. Antaranya kes *Wani lwn Fauzi, (2017)* di mana kes tersebut dilakukan di negeri Kelantan dan kes kedua adalah *Syuhada lwn Arfan, (2019)* di Negeri Pulau Pinang. Begitu juga kes di

negeri Selangor iaitu *Diyana lwn Anuar*, (2019) (Muhammad Amir Firdaus bin Sidin, 2022) yang telah diterima dan diluluskan oleh mahkamah dengan mengeluarkan perintah kebenaran pelaksanaan sita pada awalnya namun pelaksanaan sita tersebut tidak berjaya dilakukan kerana penghutang terlebih dahulu membayar tunggakan nafkah.

Bagi permohonan yang ditolak pula, terdapat beberapa kekangan yang menyebabkan hakim tidak mengeluarkan perintah atau penghakiman kebenaran sita. Antara alasan hakim dalam keputusannya yang berpendapat bahawa pelaksanaan yang telah diselesaikan dengan cara SPP sebelum itu perlu disusuli dengan Notis Penghakiman. Ini kerana, kes-kes yang didaftarkan adalah kes yang tertunggak setelah permohonan SPP difailkan dan diperintahkan oleh hakim. Hakim telah berpandangan dengan merujuk Seksyen 179 (Akta 585) yang menjelaskan bahawa sekiranya perintah SPP tidak dilaksanakan, maka penghutang perlu menunjukkan sebab ketidakbayaran perintah tersebut. Tunjuk sebab yang dimaksudkan tersebut adalah pemiutang perlu memfailkan Notis Penghakiman terlebih dahulu supaya ia lebih mengikut kepada turutan dalam bab 4 iaitu peruntukan khas berhubung dengan saman penghutang penghakiman bermula dari Seksyen 175 sehingga Seksyen 185 (Akta 585). Pemiutang memilih cara penyitaan adalah kerana bersesuaian dengan

melihat keadaan penghutang yang mempunyai harta di premisnya setelah disiasat oleh pihak pemiutang sendiri, pihak bailif dari BSK dan juga peguam-peguam yang diwakili oleh pemiutang (Mohd Mirza bin Abdul Rashid, 2022).

Walau bagaimanapun, keadaan hakim yang tidak membenarkan penyitaan dilakukan dengan sebab adanya perintah SPP adalah tidak bertetapan. Hal ini kerana, pihak pemiutang bebas untuk memfailkan penguatkuasaan bagi pembayaran wang dengan satu atau lebih dari satu cara berdasarkan Seksyen 148 iaitu sama ada perintah penyitaan dan penjualan, prosiding *hiwalah* atau perintah pengkomitan (Akta 585). Selain itu, perintah penyitaan adalah dikeluarkan oleh Pendaftar Mahkamah dan bukannya hakim. Pendaftar Mahkamah berkuasa untuk menerima atau menolak permohonan tersebut. Dalam kes *Fatimah lwn Zuhaan* (2020) contohnya, Pendaftar Mahkamah telah meluluskan permohonan dan telah mengeluarkan perintah pelaksanaan, namun hakim telah menolak permohonan penyitaan sebelum peguam BSK melaksanakan penyitaan dengan memanggil untuk sebutan di hadapan hakim terlebih dahulu. Permohonan untuk kebenaran penyitaan tersebut adalah kuasa Pendaftar Mahkamah berdasarkan Manual Kerja Bailif tahun 2020. Ini dibuktikan didalam borang MS 35 (Jadual Ketiga Akta 585) seperti dibawah:

Jadual 1: Borang MS 35, Perintah Pelaksanaan Melalui Penyitaan Dan Penjualan.”

<p style="text-align: center;">BORANG MS 35 AKTA TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1998 [Seksyen 155] PERINTAH PELAKSANAAN (<i>Tajuk Am</i>)</p> <p>Kepada Bailif,</p> <p>Atas permohonan pemiutang penghakiman, anda dengan ini diperintahkan supaya melaksanakan penghakiman bertarikh..... haribulan..... 20..... yang diperoleh oleh pemiutang penghakiman terhadap penghutang penghakiman yang butir-butirnya ialah seperti yang berikut:</p> <p>Amaun penghakiman Kos Kos bagi perintah ini Amaun yang kena dibayar Tarikh perintah yang memberikan kebenaran untuk pelaksanaan dan anda hendaklah melaksanakan penghakiman tersebut melalui mana-mana cara yang berikut:</p> <p>(1)</p> <p>(2)</p> <p>(3)</p> <p>dan bahawa selepas membayar fi yang ditetapkan dan perbelanjaan pelaksanaan (termasuk kos bagi permintaan untuk mendapatkan kebenaran pelaksanaan dan kos melaksanakannya), membawa ke dalam Mahkamah apa-apa wang yang telah dilevikan dan dengan serta merta mengembalikan perintah ini kepada Mahkamah.</p> <p>Bertarikh pada Haribulan 20.....</p> <p style="text-align: right;">..... <i>Pendaftar</i></p>

Sumber: Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998

Dalam borang tersebut jelas menunjukkan perintah yang dikeluarkan untuk pelaksanaan adalah dari Pendaftar Mahkamah kerana dibawah borang tersebut hanyalah ditandatangani oleh Pendaftar sahaja dan bukannya bersama hakim. Walaupun sebelum perintah dikeluarkan, permohonan perlu dibuat bersama affidavit untuk diikarkan. Permohonan tersebut mempunyai dua pilihan sama ada dihadapan hakim atau pendaftar. Namun secara kebiasaannya, permohonan dan affidavit dilakukan dihadapan pendaftar. Dalam kes *Fatimah lwn Zuhaan (2020)*, permohonan beserta affidavit telah diluluskan oleh Pendaftar Mahkamah dan bukannya dibuat di hadapan hakim.

Dan yang terakhir dalam isu ini, alasan hakim dengan menyatakan perlu kepada Notis Penghakiman bukanlah sesuatu yang mandatori. Ini kerana, tiada mana-mana peruntukan undang-undang ataupun arahan amalan yang menjelaskan bahawa perlu mengikut kepada turutan sekiranya SPP telah selesai maka perlu kepada Notis Penghakiman (Mohd Mirza bin Abdul Rashid, 2022). Dalam kes *Syuhada lwn Arfan (2019)* dan *Ayunie lwn Fazily (2019)* contohnya, kes tersebut juga berjaya diberi kebenaran untuk pelaksanaan sitaan oleh Pendaftar berdasarkan hutang yang tertunggak dari kes SPP setelah dimohon oleh BSK.

Walaupun kes yang didaftarkan tidak semua berjaya dilaksanakan sita, namun dalam pendaftaran sitaan yang dilakukan oleh pemiutang, peguam swasta dan juga dari BSK sebanyak 50% diluluskan permohonan sitaan menunjukkan kes yang dituntut hutang melibatkan secara majoritinya adalah tunggakan nafkah anak. Selain itu, terdapat juga kes tunggakan hutang dari bekas isteri seperti mana dalam kes *Diyana lwn Anuar (2019)* dan juga nafkah iddah (Muhammad Amir Firdaus bin Sidin, 2022). Manakala kes tuntutan mut'ah yang telah diperintahkan oleh mahkamah tetapi tidak dilaksanakan oleh bekas suami adalah kes *Ayunie lwn Fazily (2019)*. Oleh yang demikian, kes-kes tunggakan hutang yang dituntut di mahkamah syariah adalah melibatkan hal-hal kekeluargaan sahaja yang mana pembayaran wang yang perlu dilaksanakan oleh suami, bekas suami atau bapa setelah diperintahkan oleh mahkamah namun pihak penghutang tersebut telah culas untuk melakukannya.

Daripada keseluruhan kes yang didaftarkan, pemiutang telah memilih untuk mengendalikan kes pelaksanaan sitaan dari peguam swasta sebanyak 4 kes sahaja manakala sebanyak 12 kes lagi didaftarkan melalui BSK. Antara salah satu peguam swasta yang difailkan adalah dari Tetuan Zainul Rijal Talha & Amir yang mewakili pemiutang dalam kes *Zainal lwn Zuhana (2019)*. Walau bagaimanapun, secara majoritinya peguam swasta telah mengesyorkan untuk dikendalikan oleh BSK. Ini kerana, BSK mempunyai peguam dan bailif sendiri untuk mengendalikan khas bagi kes-kes tunggakan nafkah dan hutang (Nur Zulfah Md Abdul Salam, et. al, 2020). Tambahan pula, BSK adalah dibawah agensi kerajaan yang

memberikan kemudahan seperti dari segi logistik dan kuasa bailif untuk menyiasat penghutang melalui kerjasama antara pihak atas nama Mahkamah Syariah dengan pihak polis, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Pengangkutan Jalan atau mana-mana agensi kerajaan lain. Tambahan lagi, sekiranya peguam swasta yang mengendalikan kes sitaan dan ingin mendapatkan bailif mahkamah sebagai pelaksana, ia agak sukar kerana bailif mahkamah mempunyai tugas yang melibatkan hal dalam pejabat dan tidak pernah berurusan dengan pekerjaan di luar. Maka dengan itu, bailif yang memfokuskan tugas dalam pejabat dan luaran pejabat hanyalah bailif dari BSK sahaja yang dilantik dari kalangan Penolong Pegawai Syariah dan juga Pembantu Syariah. Dan bailif BSK hanya mengendalikan dari kes-kes yang didaftarkan melalui BSK (Mohd Mawardiye bin Salleh, 2021).

Bailif BSK juga diberi latihan yang kerap berdasarkan Manual Kerja Bailif tahun 2020 di mana dalam manual tersebut menjelaskan mengenai pemakaian borang-borang. Antara tugas pelaksanaan sita yang dilakukan adalah perlu didaftarkan dengan menggunakan Borang MS 3 iaitu permohonan penyitaan, bersama dengan Borang MS 26 iaitu affidavit yang menyatakan tujuan dan alasan bagi pelaksanaan penyitaan tersebut. Borang tersebut hendaklah diisi butir-butir seperti nama, alamat, jumlah hutang yang tertunggak dan sebab-sebab lain untuk penyitaan dan ditandatangani oleh Pemohon atau Pemiutang Penghakiman serta disahkan oleh Hakim atau Pendaftar Mahkamah. Setelah mahkamah memberi kebenaran, barulah mahkamah mengeluarkan borang MS 35 iaitu Perintah Pelaksanaan yang ditandatangani oleh Pendaftar Mahkamah (Arahan Amalan No. 10 Tahun 2020).

Apabila borang MS 35 diperoleh, borang tersebut perlu dibawa pada hari pelaksanaan penyitaan dan bailif menyerahkan borang tersebut kepada penghutang. Setelah itu, bailif akan menjalankan pemeriksaan, mengenalpasti barang-barang yang bernilai milik penghutang. Barang-barang tersebut akan dilabel dan dilekatkan kertas bernombor padanya yang kemudiannya akan disita. Semua sitaan ini direkodkan dalam borang MKB 01 iaitu inventori, yang akan mengandungi semua barang-barang yang telah diletakkan nombor (*tagging*) dan juga anggaran harga pada setiap barangan tersebut. Setelah selesai dicatat, inventori akan ditandatangani oleh bailif, penghutang, pemiutang atau peguam yang dilantik. Sekiranya penghutang enggan menandatangani inventori itu, maka bailif perlu mencatat keengganan penghutang untuk menandatangani.

Satu salinan inventori akan diserahkan kepada penghutang. Barang-barang yang disita boleh ditinggalkan di premis penghutang atau juga boleh dibawa ke stor Mahkamah. Sekiranya barang-barang sitaan tersebut ditinggalkan di premis penghutang, bailif akan memberi peringatan kepada penghutang agar barang-barang yang disita tidak boleh diganggu seperti memberimilik kepada orang lain atau melupuskan barang-barang itu kerana ia tidak sah

disisi undang-undang. Sekiranya perkara itu berlaku, maka ia adalah suatu perbuatan penghinaan kepada Mahkamah. Bailif juga boleh aturkan kawalan keselamatan dengan melantik seorang pengawal keselamatan untuk menjaga barang-barang yang disita dan akan dibayar kos kawalan keselamatan tersebut daripada deposit pemiutang.

Sekiranya didapati terdapat barang-barang yang disita tersebut bukan milik penghutang, maka bailif boleh melepaskan harta yang disita jika dikehendaki oleh pemiutang dengan menggunakan borang MKB 02 iaitu pelepasan barang. Pemiutang juga boleh menggunakan borang MKB 03 iaitu notis menghentikan pelaksanaan sekiranya bailif masih menjalankan tugas penyitaan barang-barang sedangkan barang milik penghutang telah tiada lagi. Setelah menghentikan pelaksanaan dan selesai penyitaan, bailif menyerahkan semula perintah pelaksanaan melalui Borang MS 35 kepada mahkamah. Bailif juga perlu menyediakan penyata bagi perintah pelaksanaan dalam borang MS 40 yang ditandatangani oleh bailif sendiri dan diserahkan kepada Pendaftar Mahkamah. Borang tersebut mengandungi nyataan terperinci barang-barang sitaan serta harga-harga tawaran untuk jualan lelong.

Barang-barang sitaan dinilai berdasarkan anggaran taksiran harga yang ditentukan oleh bailif dengan kaedah tertentu. Sekiranya nilai barangan melebihi RM10,000.00, maka bailif hendaklah melantik peleton yang bertauliah. Sekiranya kurang, maka bailif sendiri akan melelong barang sitaan tersebut.

Sebelum barang-barang sitaan boleh dilelong, bailif akan mengeluarkan Notis Jualan dan Inventori yang menyatakan butir-butir seperti tarikh, waktu, tempat, harga dan barang jualan berdasarkan Borang MS 41. Bailif akan menampal notis tersebut di tempat penjualan yang dicadangkan dalam tempoh tidak kurang daripada 7 hari tarikh jualan dan satu salinan notis tersebut akan diserahkan kepada penghutang. Pelaksanaan penjualan lelong akan dilakukan pada waktu pejabat mahkamah dan bailif akan mendaftarkan nama-nama pembida yang berminat dengan barang sitaan tersebut dan deposit harga lelongan diambil sebanyak 10% daripada harga rezab jualan. Setelah pembida tertinggi berjaya dan pembayaran dilakukan, maka bailif akan mengeluarkan satu resit dan serah barang kepada pembeli. Barang yang dijual akan dicatat dalam Penyata Mengenai Perintah bagi Pelaksanaan oleh bailif dan penyata ini akan disemak oleh Pendaftar Mahkamah. Setelah diluluskan Penyata Mengenai Perintah bagi Pelaksanaan oleh Pendaftar, penyata tersebut diserahkan kepada unit kewangan untuk dikeluarkan baucer. Bucer tersebut perlu ditandatangani oleh Pendaftar Mahkamah untuk kelulusan dan baucer daripada hasil jualan lelong tersebut akan diserahkan kepada pemiutang. Bailif akan kemaskini fail dalam Buku Daftar Pelaksanaan dengan menggunakan borang MKB 04 dan kes selesai.

KESIMPULAN

Dalam Islam, terdapat peristiwa di mana Sahabat nabi yang bernama Muaz bin Jabal turut ditahan hartanya kerana berhutang. Sita dan jual juga ada di dalam peruntukan undang-undang, namun ia sangat jarang dilakukan oleh mana-mana pihak. Namun, ia memerlukan satu proses yang teliti sebelum pelaksanaan dilakukan. Ini dijelaskan dalam permasalahan yang berlaku antaranya terdapat kes di mana hakim tidak membenarkan untuk pelaksanaan, jenis kekerapan hutang yang dituntut oleh pihak pemiutang serta agensi yang terlibat dalam pengendalian kes tersebut.

Hasil kajian mendapati, pelaksanaan sita yang berjaya dilakukan adalah sebanyak 8 kes sahaja daripada 16 kes apabila kes-kes tersebut diberi perintah atau penghakiman kebenaran pelaksanaan sita oleh mahkamah. Manakala 4 kes tidak diberi perintah atau penghakiman sita kerana terdapat kekangan oleh hakim kerana hakim beralasan bahawa perlu kepada Notis Penghakiman terlebih dahulu selepas adanya perintah dari SPP. Dan baki sebanyak 4 kes lagi adalah 2 kes ditarik balik, 1 kes permohonan dibatalkan dan 1 kes lagi adalah kes yang masih dalam prosiding. Selain dari itu, jenis hutang yang dituntut adalah secara majoritinya adalah tunggakan nafkah anak, diikuti nafkah isteri, mut'ah, nafkah iddah dan juga hutang isteri. Dan agensi yang lebih banyak terlibat untuk penguatkuasaan sitaan adalah dari BSK kerana BSK hanya memfokuskan kes penguatkuasaan yang mempunyai peguam dan bailif sendiri.

RUJUKAN

- Abd Al-Rahman ibn Ahmad ibn Rajab. (1988). *al-Qawaa'id*. Beirut: Dar al-Jiyl.
- Abdul Rashid Moten (1998), *A Guide To Research Proposal And Report Writing*. Selangor: Research Centre International Islamic University, Malaysia.
- Abi Zakaria Yahya bin Syarif An-Nawawi Asy-Syafi'i. (t.t) *Minhaj At-Talibin*. Bandung: Al-Ma'arif.
- Adiwarman A. Karim (2001). *Ekonomi Islam Suatu Kajian Kontemporer*. Jakarta: Gema Insani.
- Ahmad Sunawari Long. (2009). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: UKM.
- Akta 254
- Akta 505
- Akta 585
- Almavico Putra Perdana. (2020). *Pelaksanaan Pengelolaan Benda Sitaan Dan Barang Rampasan Negara di Rumah Penyimpanan Benda Sitaan Negara (Rupbasan) Kelas 1 Jakarta Selatan*. Nusantara: Jurnal Ilmu Pengetahuan Sosial, 7 (1) (2020) 222-228.
- Arahan Amalan No. 10 Tahun 2020 Manual Kerja Bailif, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Lihat juga Garis Panduan Bahagian Sokongan

- Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia yang dilancarkan oleh YAA Tan Sri Ibrahim Lembang, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia pada 17hb Oktober 2016 bersamaan 16 Muharram 1438H di Kem Bina Negara Geopark Langkawi.
- Ayunie Iwn Fazily. (2019). Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Tengah di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal: 579/2019.
- Diyana Iwn Anuar. (2019). Mahkamah Rendah Syariah Daerah Shah Alam di Negeri Selangor No. Kes Mal: 521/2019
- Fatimah Iwn Zuhaan. (2020). Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal: 213/2020
- Haliza Iwn Rodzan. (2019). Mahkamah Rendah Syariah Daerah Shah Alam di Negeri Selangor No. Kes Mal: 564/2019
- Hamsiah Iwn Suddin. (2019). Mahkamah Rendah Syariah Daerah Sabak Bernam di Negeri Selangor No. Kes Mal: 353/2019
- Hanipah Iwn Karim. (2019). Mahkamah Tinggi Syariah Selangor di Negeri Selangor No. Kes Mal: 439/2019
- Hassan Ibrahim & Ali Ibrahim. (1970). *Al-Nuzum Islamiyyah, cetakan 4*. Kaerah: Maktabah al-Nahdah al-Masriyyah.
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/11/893661/harta-sajat-disita>
<https://www.sinarharian.com.my/article/149559/BERTA/Semasa/JKM-sita-Rumah-Bonda>
- Imam Muslim. (t.t). *Sohih Muslim, Juz 2*. Bandung: Dahlan.
- Jamilah Iwn Saad. (2017). Mahkamah Rendah Syariah Jajahan Pasir Mas di Negeri Kelantan No. Kes Mal: 293/2017
- Luthvi Febryka Nola. (2018). *Kedudukan Sita Umum Terhadap Sita Lainnya Dalam Proses Kepailitan*. Negara Hukum: Vol. 9, No. 2, November 2018.
- Maziah Iwn Sudin. (2017). Mahkamah Tinggi Syariah Kelantan di Negeri Kelantan No. Kes Mal: 118/2017
- Miza Iwn Yusof. (2017). Mahkamah Rendah Syariah Jajahan Kota Bharu di Negeri Kelantan No. Kes Mal: 192/2017.
- Mohd Nadzri bin Haji Abdul Rahman Ibrahim. (2010). *Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah Prinsip & Amalan*. Negeri Sembilan: Karya Kreatif Resources.
- Muhammad al Husaini al Dimasyqiy. (1994) *Kifayat al Ahyar, Juz I*. Beirut-Libanon: Dar al Fikr.
- Muhammad bin Ali bin Muhammad Asy-Syaukani (t.t) *Nailul Authar Juz V*. Mesir: Syirkah Maktabah wa Matba'ah Muthafa al-Halaby wa Auladuhu.
- Nur Zulfah Md Abdul Salam & Nur Syazwani Mohd Khatib. (2020). *Isu Tunggakan Nafkah: Keperluan Penubuhan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK)*. Journal of Muwafaqat. Vol. 3, No. 1, 2020, pp. 38-51
- Raudhah Iwn Azlin. (2019). Mahkamah Rendah Syariah Daerah Sepang di Negeri Selangor No. Kes Mal: 824/2019
- Roslina Iwn Roslan. (2017). Mahkamah Rendah Syariah Jajahan Machang di Negeri Kelantan No. Kes Mal: 88/2017
- Sudin Iwn Maziah. (2017). Mahkamah Rayuan Syariah Kelantan di Negeri Kelantan No. Kes Mal: 16/2017
- Sunan Abi Daud. (2008). *Kitab Alafdiliyah, Bab Fi Alhabsi Fi Addin wa Ghairihi*. Hadis No. 31998
- Syuhada Iwn Arfan. (2019). Mahkamah Rendah Syariah Daerah Barat Daya di Negeri Pulau Pinang No. Kes Mal: 453/2019
- Therese L. Baker. (1999). *Doing Social Research, 3rd ed.* United States of America: Mc Grew Hill.
- Tuan Mohd Hanif bin Ismail, Penolong Pegawai Syariah di Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga Kelantan, dalam temubual melalui di pejabat beliau di Jabatan Kehakiman Syariah Kelantan pada 20hb Januari 2022.
- Tuan Mohd Mawardiye bin Salleh, Penolong Pegawai Syariah di Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga Pulau Pinang, dalam temubual melalui di pejabat beliau di Jabatan Kehakiman Syariah Pulau Pinang pada 27hb Februari 2021.
- Tuan Mohd Mirza bin Abdul Rashid, Peguam Syarie di Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Pulau Pinang dalam temubual dengan penulis di pejabat beliau di Aras 2, Kompleks Kehakiman Syariah Pulau Pinang pada 3hb Mac 2022.
- Tuan Mohd Norman bin Abd Jalil, Penolong Pegawai Syariah di Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dalam temubual melalui di pejabat beliau di Mahkamah Syariah Kuala Lumpur pada 25hb Februari 2022.
- Tuan Mohd Sofian bin Abdul Halim, bailif Mahkamah Tinggi Pulau Pinang, dalam temubual melalui telefon pada 3hb Mac 2022.
- Tuan Muhammad Amir Firdaus bin Sidin, Pegawai Syariah Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor dalam temubual melalui telefon pada 3hb Mac 2022.
- Wani Iwn Fauzi. (2017). Mahkamah Rendah Syariah Jajahan Machang di Negeri Kelantan No. Kes Mal: 90/2017
- Zainal Iwn Zuhana. (2019). Mahkamah Tinggi Syariah Gombak Timur di Negeri Selangor No. Kes Mal: 806/2019
- Ziah Iwn Nadir. (2021). Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur No. Kes Mal: 137/2021

Mohd Hazwan bin Ismail
hazwanismail@student.usm.my
Pelajar Siswazah,
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia,
Pulau Pinang
MALAYSIA
@
Bahagian Sokongan Keluarga
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang,
No. 3, Jalan Batu Gantung,
Pulau Pinang,
MALAYSIA

Jasni bin Sulong
jasni@usm.my
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia,
Pulau Pinang,
MALAYSIA

KANDUNGAN / CONTENTS

Kepentingan Faktor <i>Fasād Al-Zamān</i> dalam Penetapan Hukum <i>Ijtihādī</i> <i>The Importance of Fasād Al-Zamān over The Determination of Ijtihādī Law</i> Muhammad Iqbal Roslee & Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani	1-13
Analisis Kaedah Menghilangkan Kemudaratan Dalam Penstrukturan Semula Pembiayaan Islam <i>Analysis of Harm Retrieval Methods in Islamic Financing Restructuring</i> Erfan Asmaie Khairul Anam, Abdul Basir Mohamad & Mohammad Zaini Yahaya	14-25
Pembangunan Wakaf <i>Dhurri</i>: Penubuhan Syarikat Keluarga Ke Arah Kelestarian Sumber Ekonomi <i>Development of Wakaf Dhurri: The Establishment of Family Companies Towards Sustainable Economic Resources</i> Jasni Sulong & Muhammad Syamir Izzuddin Zulkifli	26-34
Islamic Law of Inheritance and Its Implication amongst Muslim Society: An Empirical Analysis Iqbal Saujan, Seyed Mohamed Mohamed Mazahir & Nasrin Muhammadu Ibrahim	35-51
Cadangan Prosedur Operasi Standard (SOP) Tangkapan dan Tahanan Individu Autisme untuk Pegawai Penguat Kuasa Agama (PPA) di Malaysia <i>Proposed Standard Operating Procedure (SOP) for Arrest and Detention of Autistic Individuals for Religious Enforcement Officers (PPA) in Malaysia</i> Zahidah Dahalan, Zuliza Mohd Kusrin, Wafaa' Yusof, Mohd Al Adib Samuri & Nurul Ilyana Muhd Adnan	52-61
Pelaksanaan Hukuman Mati di Malaysia Menurut Perspektif Hukum Jenayah Islam <i>Implementation of Death Penalty in Malaysia From The Islamic Criminal Law Perspective</i> Wafaa' Yusof & Muhammad Hariz Muqri Azmi	62-74
Sabit dan Hukuman Berkaitan Pemandu Mabuk Menurut Hukum Syarak <i>Conviction and Punishment Related to Drunk Drivers According to Islamic Law</i> Amira Adila Sabri & Wafaa Yusof	75-84
The Law of Naval Warfare: A Comparative Analysis in the Islamic Law of Armed Conflict and International Humanitarian Law Begümhan I. Simsir, Geneva Academy	85-90
Penguatkuasaan Penghakiman Sita dan Jual: Pelaksanaan dan Kekangan di Mahkamah Syariah <i>Foreclosure and Sale Judgments Enforcement: Implementation and Constraints in Syariah Courts</i> Mohd. Hazwan Bin Ismail & Jasni Bin Sulong	91-101
<u>Ulasan Buku / Book Review</u> Hamdeh, Emad. 2021. Salafism and Traditionalism: Scholarly Authority in Modern Islam. Cambridge University Press, DOI: 10.1017/9781108756594 Mohd Al Adib Samuri	101-103

Journal of Contemporary Islamic Law

(2022)Vol. 7(1)

Editor-In-Chief

Dr. Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani

Co-Editor

Assoc. Prof. Dr. Salmy Edawati Yaacob

Secretary

Dr. Nurul Ilyana Muhd Adnan

Senior Editor

Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad

Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad

Assoc. Prof. Dr. Shofian Ahmad

Assoc. Prof. Dr. Zaini Nasohah

Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin

Assoc. Prof. Dr. Mohd Al Adib Samuri

International Editor

Dr. Abdel Wadoud Moustafa El Saudi

Dr. Harun Abdel Rahman Sheikh Abduh

Dr. Asman Taeali

Dr. Muhammad Yasir Yusuf

Dr. Ahmad Nizam

Dr. T. Meldi Kesuma

Sarjiyanto

Shinta Melzatia

Dr. Hamza Hammad

Dr. Nazlida Muhamad

Dr. Madiha Riaz

Dr. Naveed Ahmad Lone

Chief Managing Editor

Dr. Mat Noor Mat Zain

Arabic Copy Editor

Anwar Fakhri Omar

Bahasa Copy Editor

Dr. Mohd Zamro Muda

Dr. Md. Yazid Ahmad

Editor

Dr. Mohammad Zaini Yahaya

Dr. Azlin Alisa Ahmad

Dr. Mohd Hafiz Safiai

Published by:

Research Centre for Sharia,

Faculty of Islamic Studies,

Universiti Kebangsaan Malaysia,

43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Suggested citation style:

Author, (2022), Title, Journal of Contemporary

Islamic Law, 6(2), pages, <http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

Copyrights:

This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Noncommercial-No Derivative Works 3.0 Unported License

(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>).

You can download an electronic version online. You are free to copy, distribute and transmit the work under the following conditions: Attribution – you must attribute the work in the manner specified by the author or licensor (but not in any way that suggests that they endorse you or your use of the work); Noncommercial – you may not use this work for commercial purposes; No Derivate Works – you may not alter, transform, or build upon this work.